

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [ BUKIT BENDERA ]**  
**TARIKH : 19.6.2014**  
**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pakej emolumen penuh bagi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) serta penjawat-penjawat utama berpangkat “pengarah” PADU Corporation, serta apakah tugas mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, emolumen bagi jawatan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PADU adalah bersamaan gred Jusa C manakala jawatan Pengarah Eksekutif adalah bersamaan dengan DG54. Antara tugas utama CEO ialah bertanggungjawab ke atas keseluruhan kepimpinan, perjawatan, operasi dan pentadbiran PADU bagi memastikan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Selain itu, CEO juga bertanggungjawab memastikan pelaksanaan inisiatif PPPM 2013 - 2025 dan meneraju kerjasama dengan pihak berkepentingan bagi memacu kejayaan PPPM 2013 - 2025.